



Makalah Akademia

INSPIRASI ALAM SEMULAJADI DI DALAM SENI FOTOGRAFI

Oleh

DR SHAHRUNIZAM SULAIMAN DAN
TS MOHAMAD QUZAMI AN-NUUR BIN
AHMAD RADZI

Kolej Pengajian Seni Kreatif,
UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri
Iskandar,
32610 Seri Iskandar,
Perak Darul Ridzuan

shahrunizam@uitm.edu.my

Editor: Dr Nurhamimah Zainal Abidin

SENI FOTOGRAFI merupakan salah satu cabang seni di dalam seni visual. Seni fotografi dari segi istilah membawa maksud seni yang dihasilkan daripada cahaya. Dengan revolusi dan kemajuan teknologi pada hari ini secara tidak langsung merancakkan lagi aktiviti seni fotografi ini. Daripada penghasilan kamera lubang jarum, filem, fotografi digital sehingga teknologi fotografi menggunakan dron pada harini membuktikan betapa pesatnya teknologi seni fotografi ini telah berkembang. Walaubagaimanapun, seni fotografi perlulah dipadankan dengan teknik dan subjek yang betul dan berfokus. Alam semulajadi ciptaan tuhan disekitar kita boleh digarap menjadi sumber subjek atau imej tumpu dalam seni fotografi.

“Pelbagai warna, bentuk dan keadaan alam semulajadi boleh diambil dengan teknik-teknik yang betul dan tepat dalam menghasilkan satu imej fotografi yang bermutu.”

Dengan ini, kecantikan alam semulajadi dapat digambarkan dan dirakamkan serta boleh dihayati oleh semua. Terdapat pelbagai teknik seni fotografi alam semulajadi yang boleh dipraktikkan. Salah satu teknik yang boleh diaplikasikan di dalam seni fotografi adalah pencahayaan.

Cahaya Dalam Fotografi Alam Semulajadi

Walaupun fotografi alam semulajadi memfokus kepada permukaan bumi dan persekitarannya sebagai subjek, sifat cahaya yang dipantulkan pada permukaan bumi itu sendiri menentukan nuansa mood serta penampilan imej yang dirakam. Ia juga memberi inspirasi dalam merakamkan persekitaran alam semulajadi melalui lensa kamera. Cahaya semulajadi disiang hari memiliki pelbagai ciri yang berbeza. Ia boleh menjadi cahaya yang lembut, kasar, keras atau lemah. Sifat-sifat cahaya ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti waktu (masa) seperti subuh, awal pagi, tengahari, senja dan sebagainya.

Bagi iklim pula, ia dipengaruhi oleh kedudukan geografi sesuatu tempat seperti kawasan tropika, savanah, mediteranean dan lain-lain. Sementara musim ditentukan oleh tempoh tarikh sesuatu musim seperti musim kemarau, musim menuai, musim panas, musim sejuk, musim bunga dan sebagainya. Sebagai contoh, cahaya pagi di kawasan tropika memberikan hasil gambar yang segar dan ceria, manakala di kawasan yang sedang mengalami musim sejuk pula memberikan hasil gambar yang kelihatan tidak bertenaga serta berkabut. Bagi iklim pula, ia dipengaruhi oleh kedudukan geografi sesuatu tempat seperti kawasan tropika, savanah, mediteranean dan lain-lain.



Gambar 1. Contoh Hasil Seni Fotografi Di Waktu Pagi

Sementara musim ditentukan oleh tempoh tarikh sesuatu musim seperti musim kemarau, musim menuai, musim panas, musim sejuk, musim bunga dan sebagainya. Sebagai contoh, cahaya pagi di kawasan tropika memberikan hasil gambar yang segar dan ceria, manakala di kawasan yang sedang mengalami musim sejuk pula memberikan hasil gambar yang kelihatan tidak bertenaga serta berkabut.

Oleh kerana jarak dan aliran cahaya mempengaruhi spektrum warna pada imej yang dirakam oleh lensa kamera, maka sedikit sebanyak pengetahuan tentang sifat-sifat cahaya pada waktu tertentu akan mempengaruhi hasil imej yang dirakam. Waktu juga memberi kesan dalam fotografi alam semulajadi, kerana jarak matahari dari bumi yang berbeza serta pengaruh alam sekitar. Sebagai contoh, cahaya matahari pada waktu tengahari adalah kasar dan memberi kesan pencahayaan yang keras serta bayang-bayang yang terlalu kontra akibat pancaran terik matahari yang berada tepat di tengah-tengah atmosfera bumi. Pada waktu pagi pula, pencahayaan kelihatan lebih lembut, dan persekitaran kelihatan bersih kerana keadaudara serta persekitaran kurang dicemari oleh partikel-partikel debu kerana suasana yang sejuk. Waktu matahari terbit, dan matahari terbenam merupakan waktu yang amat digemari untuk merakamkan fotografi alam semulajadi.

Waktu ini dikenali sebagai Waktu Keemasan atau 'Golden Hour', iaitu waktu fajar pagi dan lewat petang membawa ke senja. Waktunya secara tepat bergantung kepada keberadaan seseorang itu. Secara amnya, ia bermula sejam selepas matahari terbit serta sejam sebelum matahari terbenam. Jarak cahaya matahari yang jauh dari bumi memberikan nuansa keemasan kerana cahaya yang dibiarkan akibat jarak dan sudut cahaya matahari, memberikan kesan yang dramatik, romantik atau kadang kala melankolik. Pantulan cahaya pada permukaan seperti air sungai atau laut, permukaan yang berkilau juga menambah nilai estetika imej yang dirakam.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, seni fotografi boleh dipraktikkan di dalam apa-apa bentuk dan keadaan alam semulajadi di sekeliling kita. Kita perlulah memanfaatkan dan menikmati alam semulajadi kerana ia merupakan keindahan yang telah diciptakan oleh tuhan kepada kita semua. Dengan mempraktikkan teknik yang betul, keindahan alam semulajadi akan dapat diserlahkan di dalam hasil akhir fotografi. Selain daripada itu, peristiwa penting yang melibatkan alam semulajadi disekeliling kita juga akan dapat dirakam dan dinikmati semula pada masa akan datang.